

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

06  
SEP

## YDP MPP SERU HARGAI PENGALAMAN DI MENARA GADING



PULAU PINANG, 6 September 2017 - Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sidang Akademik 2016/2017, Mohd Hazim Abdul Manaf hari ini menyeru semua pelajar baharu agar menghargai pengalaman serta menikmati kehidupan yang indah sebagai seorang mahasiswa di Universiti Sains Malaysia (USM).

Mohd Hazim berkata demikian ketika menyampaikan ucapan di Majlis Sambutan Siswa baharu USM di hadapan lebih 2,800 orang pelajar baharu di Kampus Induk dan pengurusan tertinggi USM.



Mohd Hazim juga menerangkan serba sedikit peranan MPP dalam memartabatkan pelbagai aktiviti termasuk kesukarelawanan, keusahawanan dan kebajikan serta memberi fokus kepada program-program kemahiran untuk membentuk pelajar USM supaya bersedia untuk menjadi 'produk berjenama antarabangsa' atau Global Brand.

"Ayuh semua, warisilah semangat perjuangan dan budaya menimba ilmu daripada generasi kita sebelum ini untuk menjamin kelestarian pada hari esok," kata Mohd Hazim.



Pada majlis yang sama, Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail menyampaikan amanat kepada pelajar baharu termasuk penerangan mengenai status terkini Menara Ilmu ini serta hala tuju pada masa hadapan bagi menjadikan USM sebagai sebuah universiti yang Relevant, Respected dan Respected.

Teks: Nor Rafizah Md Zain / Foto: Mohd Fairus Md Isa

Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>). | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015